



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)**
www.ijlgc.com



**SISTEM KEPIMPINAN ORANG ASLI SEMELAI DI KAMPUNG
ORANG ASLI (KOA) SUNGAI LUI, JEMPOL**

*LEADERSHIP SYSTEM OF SEMELAI ORANG ASLI IN SUNGAI LUI ORANG ASLI
VILLAGE, JEMPOL*

Ros Aiza Mohd Mokhtar^{1*}, Abd Hakim Mohad², Saifulazry Mokhtar³, Sabariah Abd Rahim⁴,
Mohammad Wazir Shafie Aliasah⁵

¹ Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia
Email: rosaiza@usim.edu.my

² Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia
Email: abdhakim@usim.edu.my

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: sab@ums.edu.my

⁵ Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: wazir@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 20.03.2023

Revised date: 16.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 06.06.2023

To cite this document:

Mokhtar, R. A. M., Mohad, A. H., Mokhtar, S., Adam, S. S., & Aliasah, M. W. S. (2023). Sistem Kepimpinan Orang Asli Semelai Di Kampung Orang Asli (KOA) Sungai Lui, Jempol. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 178-188.

DOI: 10.35631/IJLGC.832015.

Abstrak:

Suku Semelai merupakan salah satu suku kaum Orang Asli dari puak Melayu Proto yang terdapat di Negeri Sembilan dan Pahang. Penempatan mereka di Negeri Sembilan adalah di Kampung Orang Asli Sungai Lui dan Kampung Orang Asli Sungai Sampo di Jempol. Manakala, sebahagian mereka tinggal di beberapa Kawasan di Bera, Pahang. Sebahagian besar masyarakat ini masih berpegang kepada kepercayaan animisme, manakala sebahagian kecil pula telah memeluk agama Islam semenjak tahun 1990an. Makalah ini akan membincangkan sistem kepimpinan yang diamalkan dalam masyarakat Semelai serta peranan dan fungsi pemimpin (yang disebut sebagai Tok Batin) dalam masyarakat ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan cara mendapatkan data melalui temu bual informan penting di Kampung Orang Asli Sungai Lui, Jempol. Seterusnya data dianalisis secara deskriptif interpretif. Kajian mendapati sistem kepimpinan dalam masyarakat ini bercirikan tradisonal dan moden kerana telah diwarisi daripada nenek moyang mereka dan dalam masa yang sama turut terikat dengan sistem moden yang diperkenalkan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli. Dalam hal ini, Tok Batin mempunyai peranan yang besar termasuklah menjadi wakil Jabatan Kemajuan

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Orang Asli dalam pentadbiran kampung serta menjadi rujukan dan penyelesaian masalah dalam hal adat resam masyarakat mahupun hal-hal sosial.

Kata Kunci:

Budaya, Jabatan Kemajuan Orang Asli, Kepimpinan, Orang Asli, Semelai, Sungai Lui

Abstract:

The Semelai are a proto-Malay Orang Asli tribe settled around Negeri Sembilan and Pahang, Malaysia. Their settlements in Negeri Sembilan are in Sungai Lui Orang Asli Village and Sungai Sampo Orang Asli Village in Jempol. A few of their number also settled in some areas in Bera, Pahang. A majority of this community still adhere to ancestral faiths, although some have converted to Islam since the 1990s. This paper will discuss the leadership system practiced in Semelai society as well as the role and function of leader (called as Tok Batin) in this society. This study uses the qualitative approach through data collection via interviews with key informants in Sungai Lui Orang Asli Village, Jempol. The data are later analysed through a descriptive interpretive method. The research found that the leadership system in this community is a combination of traditional and modern style because it has been inherited from their ancestors and at the same time is also tied to the modern system introduced by the Department of Development of Orang Asli. In this regard, Tok Batin has a great role including being the representative of the Department of Development of Orang Asli in the village administration as well as being a reference and problem solver in matters of community customs and social matters.

Keywords:

Culture, Department of Development of Orang Asli, Leadership, Orang Asli, Semelai, Sungai Lui

Pengenalan

Orang Asli amat berpegang teguh dengan kepercayaan dan adat resam yang diwarisi turun-temurun dan bukan mudah untuk mereka menerima sesuatu yang berlainan atau berlawanan dari pegangan dan amalan asal mereka. Kepercayaan animisme yang diwarisi begitu menebal dalam jiwa mereka dan sukar untuk dihakis kerana telah sebatu dengan jiwa mereka terutamanya dalam kalangan generasi tua (Syed Hussin, 2009). Hal ini dapat diperhatikan dari data bilangan penduduk orang Asli mengikut agama dan negeri bagi tahun 2020 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (https://www.data.gov.my/data/en_US/dataset/bilangan-penduduk-orang-asli-mengikut-agama-dan-negeri). Data menunjukkan antaranya ialah lebih kurang 22% (2,475) dari keseluruhan orang Asli di Negeri Sembilan (11,022) masih menganut kepercayaan animisme, manakala 40% (4,570) dari mereka adalah dalam kategori tiada agama. Keadaan ini turut menjelaskan betapa sukarnya untuk mengubah kepercayaan dan amalan lama termasuklah dalam hal kepimpinan, meskipun usaha telah dilakukan oleh berbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) serta institusi dakwah dengan peruntukan yang banyak serta berbagai kemudahan hidup.

Disebabkan faktor inilah, pihak JAKOA khususnya bertoleransi terhadap beberapa hal yang melibatkan amalan budaya orang Asli yang mereka warisi secara turun-temurun. Dalam kajian yang dibuat oleh Ahmad (1998) terhadap keagamaan orang asli Temuan di Negeri Selangor, antara perkara yang merisaukan masyarakat ini ialah pantang larang yang menjadi kebiasaan mereka. Mereka boleh menerima agama Islam dan kemodenan tetapi sukar untuk meninggalkan pantang larang yang diamalkan kerana kerisauan akan mala petaka yang akan menimpa sekiranya pantang larang tersebut dilanggar. Hal sedemikian secara tidak langsung telah mewujudkan sistem kepimpinan yang bercirikan moden dan tradisional. Justeru, kajian ini membincangkan sistem kepimpinan masyarakat Orang Asli Semelai khususnya di Kampung Sungai Lui, Jempol, Negeri Sembilan.

Sorotan Literatur

Orang Asli merupakan kumpulan pribumi Semenanjung Malaysia yang berstatus Bumiputera. Mereka dikategorikan dalam tiga kumpulan utama iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Setiap kaum pula terdiri daripada enam suku kaum. Suku kaum bagi Negrito adalah Kensiu, Kintak, Lanoh, Jahai, Mendriq dan Bateq. Suku kaum bagi Senoi pula adalah Che Wong, Mahmeri, Jahut, Semoq Beri, Semai dan Temiar. Manakala suku kaum bagi Melayu Proto pula adalah Kuala, Kanaq, Seletar, Jakun, Semelai dan Temuan. Pengkelasan yang dibuat ini berdasarkan rupa fizikal, bahasa dan cara hidup (Mohd Jelas & lain-lain, 2009).

Kajian berkenaan orang asli di Semenanjung Malaysia telah menarik minat ramai pengkaji dalam dan luar negara dan kajian mereka merangkumi pelbagai aspek kehidupan orang asli daripada pelbagai kelompok dan kawasan. Antaranya ialah kajian dalam histriografi orang asli (Benjamin & Chou, 2003), aspek ekonomi yang merangkumi kegiatan ekonomi, pembangunan dan kesan pembangunan terhadap orang asli (Ayudin & lain-lain, 2009), serta aspek sosial yang sangat luas merangkumi bahasa (Omar, 1998) pendidikan (Mat Nor, 2009) sistem kepercayaan dan budaya orang Asli (Edo, 1993; Mohd Salleh, 1974 & 1975; Giano, 2016). Tidak kurang juga kajian berkenaan dakwah dalam kalangan orang asli (Mokhtar & Aini, 2014). Manakala kajian khusus berkenaan orang asli Semelai juga telah dibuat oleh beberapa pengkaji dalam beberapa aspek iaitu tentang identiti, pandangan semesta dan budaya orang asli Semelai (Mohd Salleh, 1974 & 1975; Giano, 1997, Ban Seng, 2001; Mohamad, 2010), bahasa Semelai (Kruspe, 2004; Azmi, 2015), kegiatan ekonomi orang asli Semelai (Abdul Jamak, 2003) dan juga kearifan lokal orang asli Semelai khususnya berkenaan ilmu bintang (Jaafar & Khairuddin, 2019). Walau bagaimanapun, belum ada kajian yang spesifik tentang kepimpinan orang asli Semelai. Dalam masa yang sama, boleh dikatakan hampir semua kajian terdahulu berkenaan orang asli Semelai dibuat di kawasan Tasik Bera, Pahang yang masih berpegang kepada kepercayaan animisme sepenuhnya. Justeru itu, dapatan kajian ini mempunyai nilai tambah dalam kajian masyarakat orang asli Semelai kerana kajian ini dibuat terhadap orang asli Semelai yang mendiami Kampung Orang Asli (KOA) Sungai Lui, Negeri Sembilan yang sebahagiannya telah pun memeluk agama Islam. Walaupun KOA Sungai Lui terletak di sempadan Pahang dan tidak jauh daripada Tasik Bera, namun terdapat perbezaan antara orang Semelai di Tasik Bera dan orang Semelai di KOA Sungai Lui yang berpegang pada kepercayaan animisme kerana mereka turut dipengaruhi oleh adat pepatih yang diamalkan oleh kebanyakan orang di Negeri Sembilan (Junus, 2019).

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah temubual mendalam dan pemerhatian ikut serta bagi tujuan pengumpulan data. Lokasi kajian ialah penempatan orang asli Semelai iaitu KOA Sungai Lui, Jempol, Negeri Sembilan. Pengumpulan data di KOA

Sungai Lui adalah selama setahun iaitu bermula Februari 2019 hingga Januari 2020. Temu bual mendalam telah dibuat dengan beberapa informan penting, antaranya ialah Tok Batin, mantan Tok Batin, ketua masyarakat Islam orang asli Semelai di KOA Sungai Lui, dan Mantan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kg. Sungai Lui. Mereka dipilih kerana terlibat secara langsung dalam kepimpinan masyarakat serta mempunyai pengaruh yang besar dalam masyarakat orang asli di KOA Sungai Lui. Data temubual dan pemerhatian ikut serta seterusnya dianalisis secara deskriptif interpretif bagi menjelaskan sistem kepimpinan masyarakat ini yang diketuai oleh Tok Batin.

Latar Belakang Orang Asli Semelai

Semelai telah didefinisikan oleh Kamus Dewan Edisi Keempat (2017) sebagai penduduk asli Semenanjung Malaysia daripada suku kaum Melayu-Proto yang tinggal di Pahang Tengah (Tasik Bera, Sungai Teriang, Paya Besar dan Paya Badak) dan sempadan Pahang menghala ke Negeri Sembilan (Sungai Serting, Sungai Lui dan Ulu Muar). Menurut Gianno (1997), nama “Semelai” mungkin berasal dari perkataan orang asli “smaay” yang bermaksud “kawasan tanah pertanian sementara yang dibersihkan dengan cara memotong dan membakar tumbuh-tumbuhan”. Manakala, “smlaay” pula bermaksud “orang yang membersihkan kawasan tanah pertanian sementara dengan cara memotong dan membakar tumbuh-tumbuhan”. Menurut beliau lagi, penggunaan perkataan “Semelai” tidak terhad kepada orang asli Semelai sahaja sehinggalah H.D. Collings yang telah sampai di Tasik Bera dalam tahun 1940an memanggil mereka dengan nama Semelai. Di samping itu, kaum Semelai juga dipanggil “Semaq Tasik” atau “Orang Tasik” kerana mereka tinggal di kawasan tasik iaitu Tasik Bera (Abdul Jamak & lain-lain, 2010). Orang Semelai telah dikategorikan dalam kumpulan etnik Melayu-Proto, sebaliknya bahasa Semelai pula dikategorikan dalam kumpulan bahasa *Austroasiatik Mon-Khmer* (Benjamin, 1976), dan bukannya tergolong dalam cabang keluarga bahasa Austronesia sebagaimana bahasa yang dituturkan oleh lima etnik lain dalam kumpulan etnik Melayu Proto iaitu orang Temuan, Jakun, Kanak, Seletar dan Duano (Azmi, 2015).

Semelai membentuk identiti budaya mereka dan sebahagian besar kosmologi mereka berdasarkan persepsi tentang perkaitan mereka dengan orang Melayu dan Temoq. Dalam satu kisah, mereka mengidentifikasi diri mereka sebagai saudara kandung kepada Temoq, iaitu mereka adalah hasil penyatuan antara wanita Semelai dan lelaki Temoq. Berkenaan perkaitan dengan orang Melayu pula, dalam satu kisah mereka digambarkan dari kumpulan yang sama, manakala dalam kisah yang lain, pemimpin orang Semelai dan orang Melayu dikatakan bersaudara (Mohd Mokhtar & lain-lain, 2021).

Salah satu kisah yang mengidentifikasi diri Semelai sebagai saudara kandung kepada Temoq adalah kisah “orang yang disunat”. Kisah ini berkenaan dua saudara lelaki yang kematian ibubapa dan tinggal di dalam hutan. Si adik mengajak abangnya keluar daripada hutan dan pergi ke kampung orang Melayu untuk bersunat. Abangnya bersetuju dan apabila sampai ke tempat yang dituju, si abang menyuruh adiknya bersunat terlebih dahulu. Apabila melihat darah yang mengalir akibat sunat tersebut, si abang melarikan diri ke hutan dan tidak bersunat. Oleh itu, mereka yang tidak disunat disebut Temoq, manakala mereka yang bersunat disebut Semelai. Dalam kisah yang lain, seorang bernama Tembeling memelihara seekor harimau sebagai haiwan kesayangan yang digunakan untuk menangkap kancil, rusa dan babi hutan. Kebiasaannya, harimau tersebut diberi makan daging binatang buruan yang telah dimasak. Pada suatu hari, sewaktu berburu, Tembeling digigit oleh lintah. Tembeling menyapu darahnya dengan jari lalu digoleskan pada bibir harimau tersebut. Harimau tersebut menjilatnya dan oleh kerana darah tuannya sangat sedap menyebabkan harimau tersebut memakannya. Harimau

tersebut pulang ke rumah Tembeling lalu memakan isteri dan anak-anak Tembeling. Akhirnya, harimau tersebut mula menyerang dan memakan orang kampung. Hanya dua orang wanita sahaja yang selamat dan mereka melarikan diri ke Sungai Serting. Mereka bersembunyi dalam gendang di sebuah rumah berbulan-bulan lamanya. Selepas beberapa bulan, dua orang lelaki Temoq yang membawa sumpit dan lembing telah datang ke tempat persembunyian dua orang wanita Semelai tersebut dan membantu membunuh harimau tersebut. Kemudian, kedua-dua wanita Semelai tersebut berkahwin dengan kedua-dua lelaki Temoq tersebut (Giano, 1997).

Manakala kisah yang mengidentifikasikan perkaitan antara Semelai dengan orang Melayu pula terdapat dalam beberapa versi. Dalam versi yang direkodkan oleh Mohd Salleh (1974), orang Semelai dan orang Melayu datang ke Tanah Melayu dari Sumatera (tempat yang disebut Pagar Ruyong) sebagai satu kumpulan dan berpisah hanya setelah mereka menetap sementara di sebuah gunung bernama Gunong Penrinoh. Semasa mengadakan pesta makan di kawasan tersebut, orang Semelai duduk di dalam rumah dan orang Melayu duduk di beranda. Hal ini menjelaskan bagaimana orang Semelai (atau orang Asli umumnya) dikenali sebagai orang dalam dan orang Melayu sebagai orang luar. Semasa makan, orang Melayu di beranda meminta makanan yang banyak dari orang Semelai di dalam rumah. Orang-orang di dalam rumah (Semelai) menolak permintaan tersebut dan akibatnya, orang Melayu marah dan bertekad untuk tidak lagi makan makanan orang Semelai, lalu mereka berpisah. Setelah berpisah, orang Semelai menyeberangi sungai besar dengan menaiki batang pokok yang tumbang. Batin membawa segulung kertas yang tertulis salasilah mereka dan meletakkannya di atas kepalanya. Namun, ketika seekor ayam berkokok, Batin mengangkat kepalanya dan kertas itu jatuh ke dalam air. Sejak itu, Batin menyimpan salasilah mereka dalam kepala sahaja. Hal ini dikaitkan dengan sebab orang Semelai dan orang asli lain tidak mempunyai tulisan (Giano, 1997, Mohd Mokhtar & lain-lain, 2021).

Dalam kisah “Asal usul Sultan, Penghulu dan Batin” pula, menggambarkan bahawa pemimpin orang Semelai (orang Asli umumnya) adalah bersaudara. Dikatakan bahawa tiga daripada 44 orang anak Adam turun dari surga ke dunia ini. Mereka meluncur turun menggunakan tali. Saudara bongsu memakai kain sarung kuning dan songkok. Saudara tengah juga memakai songkok. Semasa meluncur turun, angin kencang bertiup dan mereka bertiga berpusing-pusing dibawa angin. Kemudian, tali tersebut putus dan mereka semua jatuh ke tanah. Saudara bongsu jatuh dalam posisi berdiri dan dia dipanggil Raja (Sultan). Saudara tengah jatuh dalam posisi berlutut dan dia dipanggil penghulu. Keduanya adalah orang Melayu. Dan saudara yang tertua jatuh dalam posisi duduk dan dia dipanggil Batin. Dalam kisah ini, batin Semelai digambarkan sebagai abang kepada Sultan Melayu (Giano, 1997). Manakala dalam versi cerita Mohd Salleh (1974), hanya ada dua bersaudara iaitu yang lebih muda menjadi sultan dan yang lebih tua menjadi batin.

Menurut Jabatan Kemajuan Orang Asli, suku kaum Semelai hampir sama seperti orang Melayu. Penempatan suku kaum Semelai majoritinya terdapat di Pahang Tengah seperti di Tasik Bera, Sungai Bera, Sungai Teriang, Paya Besar dan Paya Badar serta di sempadan Pahang dan Negeri Sembilan seperti Sungai Serting, Sungai Lui dan Ulu Muar (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2019). Menerusi data yang diperolehi daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli, didapati suku kaum Semelai di Semenanjung Malaysia terdiri daripada 7,727 orang penduduk. Seramai 4769 penduduk suku kaum Semelai yang tinggal di Pahang, diikuti Negeri Sembilan 2464 penduduk, seterusnya Perak dan Selangor iaitu 229 dan 222 orang penduduk serta Johor, Melaka dan Kelantan dengan masing-masing seramai 38, 3 dan 2. Data yang dipaparkan ini jelas menunjukkan bahawa penduduk suku kaum Semelai majoritinya tinggal

di Pahang dan Negeri Sembilan. Rumusan bilangan orang asli Semelai adalah sebagaimana Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Bilangan Orang Asli Semelai Berdasarkan Negeri

Negeri	Bilangan Orang Asli Semelai
Pahang	4769
Negeri Sembilan	2464
Perak	229
Selangor	222
Johor	38
Melaka	3
Kelantan	2

Source: (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2019)

Suku Semelai di KOA Sungai Lui

Penempatan suku Semelai KOA Sungai Lui adalah berhampiran dengan perkampungan orang Melayu Kampung Sungai Lui (Felda Sungai Lui). Anggaran jumlah orang Semelai KOA Sungai Lui adalah 1600 orang dengan anggaran sebanyak 121 buah rumah (Manap, 14 Ogos 2019). Sebahagian besar masyarakat ini masih berpegang kepada kepercayaan animisme, manakala sebahagian kecil pula telah memeluk agama Islam semenjak tahun 1990an (Tahir, 14 Ogos 2019).

Aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh semua masyarakat Orang Asli adalah lebih kurang sama dan boleh dibahagikan kepada dua kategori utama. Kategori pertama adalah aktiviti ekonomi yang bertujuan untuk mendapatkan wang seperti menoreh getah, mencari rotan dan lain-lain, manakala kategori kedua pula adalah aktiviti ekonomi yang bertujuan untuk sara diri seperti memancing, memburu binatang dan bercucuk-tanam. Pada kelazimannya, aktiviti-aktiviti ini dilakukan secara berasingan, iaitu mengikut keadaan dan musim, pasaran dan kecenderungan mereka sendiri. Namun, terdapat juga keadaan di mana kedua-dua ekonomi ini dijalankan juga secara bersama (Choy, 2010). Hal ini juga tidak jauh berbeza dengan masyarakat orang Asli Semelai di KOA Sungai Lui. Mereka turut mengusahakan tanaman getah, koko, membuka kedai runcit, menternak kambing, memburu binatang, menangkap ikan dan bercucuk tanam (Pu, 23 Februari 2019).

Sistem Kepimpinan Orang Asli Semelai

Pada dasarnya sistem kepimpinan orang asli Semelai bercirikan tradisional dan moden. Sebagaimana masyarakat orang asli lain di Malaysia, mereka masih mengekalkan nama Tok Batin sebagai pemimpin dalam masyarakat mereka. Walau bagaimanapun, jawatan Tok Batin bukan lagi jawatan yang tetap atau seumur hidup serta berkuasa mutlak ke atas kampung dan anak buahnya sebagaimana pada masa dahulu. Jawatan Tok Batin kini adalah jawatan yang dipertandingkan melalui undian oleh masyarakat di kampung tersebut serta mempunyai tempoh tertentu. Selepas tempoh tersebut, undian akan diadakan untuk melantik Tok Batin yang baharu. Urusan pengundian pula dikelolakan oleh JAKOA iaitu badan kerajaan yang bertanggung-jawab mengurus hal-ehwal orang asli di Malaysia. Menurut Junus (23 Februari 2019) dan Patek (13 April 2019), masyarakat orang asli Semelai mempunyai kesedaran yang tinggi untuk mengundi calon Tok Batin mereka. Lazimnya, dua atau tiga orang calon akan bertanding untuk jawatan Tok Batin. Saingan juga adalah sengit dan pada kebiasaannya undi yang kalah tidak jauh ketinggalan dengan undi yang menang.

Di bawah penyelarasan JAKOA, terdapat beberapa tugas dan tanggung-jawab Tok Batin atau penghulu yang telah disenaraikan. Antaranya ialah (<https://www.jakoa.gov.my/orang-asli/penghulu/>):

1. Bertanggungjawab menyelesaikan isu/ masalah yang berkaitan adat resam orang asli.
2. Sebagai agen penghubung antara masyarakat orang asli, dengan agensi kerajaan, sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO).
3. Bertanggungjawab kepada pegawai jabatan dalam hal yang berkaitan dengan pentadbiran, kebajikan dan kemajuan diri orang asli.
4. Bertanggungjawab mengemukakan laporan tugas/ kerja yang dilaksanakan setiap bulan melalui pegawai JAKOA daerah kepada pengarah JAKOA negeri masing-masing.
5. Sebagai Ketua Adat dalam sesebuah kampung dan bertanggungjawab menjaga keharmonian masyarakat kampung.
6. Bertanggungjawab dalam menentukan keharmonian dan persefahaman dalam kalangan penduduk kampung di bawah jagaannya dan menjalin kerjasama dengan masyarakat kampung berjiran.
7. Bekerjasama dengan pengerusi JPKKOA dalam melaksanakan program-program keselamatan dan kemajuan kampung.
8. Lain-lain tugas yang diarahkan ketua pengarah JAKOA dari masa ke semasa

Berdasarkan senarai tugas dan tanggungjawab Tok Batin di atas, dapatlah disimpulkan bahawa bidang tugas Tok Batin bukanlah sekadar sebagai ketua kampung kepada anak-anak buah di kampungnya sahaja. Sebaliknya, Tok Batin juga merupakan ketua yang dilantik oleh JAKOA dan bertanggungjawab melaporkan hal-ehwal kampungnya kepada JAKOA.

Dalam pentadbiran kampung di Malaysia amnya dan dalam kalangan orang asli Semelai di KOA Sungai Lui khususnya, Jawatan Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) ditubuhkan. Di KOA Sungai Lui, JKKK diketuai oleh Tok Batin sebagai pengerusi. Bagi melancarkan pentadbiran kampung, mesyuarat JKKK lazimnya diadakan sebulan sekali dan ahli JKKK akan mendapat elaun kehadiran. Turut serta dalam mesyuarat ialah penghulu mukim KOA. KOA Sungai Lui bersama-sama dengan dua kampung lagi iaitu KOA Sungai Sot dan KOA Sungai Cherbang diletakkan di bawah satu mukim iaitu mukim KOA Serting Hulu (Manap, 14 Ogos 2019). Segala isu dan masalah dalam kampung dibincangkan dalam mesyuarat JKKK untuk diperpanjangkan kepada JAKOA.

Menurut Manap (14 Ogos 2019) lagi, di samping membincangkan isu dan masalah kampung, antara tugas JKKK khususnya di KOA Sungai Lui adalah membincangkan untuk mengadakan program-program sosial dan pendidikan serta menyediakan data terkini tentang bilangan penduduk, bilangan penduduk yang beragama Islam dan data-data yang dikehendaki oleh pihak JAKOA dan agensi kerajaan yang berkaitan dari masa ke semasa.

Peranan Tok Batin dalam Masyarakat Asli Semelai

Sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini, Tok Batin juga mempunyai fungsi sosial dalam masyarakat atau terhadap anak buahnya. Dalam hal-hal tertentu Tok Batin akan berfungsi atau bertindak sebagai sebagai hakim yang akan menyelesaikan masalah anak buahnya atau orang kampungnya serta menetapkan hukuman yang sesuai dengan kesalahan tersebut. Antara contoh yang selalu berlaku adalah dalam menyelesaikan masalah adat “bawak tidur” dalam kalangan anak buahnya. Adat “bawak tidur” ini dipercayai telah diamalkan sekian lama dalam kalangan orang Semelai (Manap, 14 Ogos 2019). Walaupun setelah memeluk agama Islam, sebahagian

daripada mereka masih mengamalkannya. Menurut Tahir (13 April 2019), selain daripada bertunang, terdapat satu lagi cara bagi pasangan untuk berkahwin yang lebih dikenali dengan “bawak tidur”. Dalam hal ini, si lelaki membawa si perempuan ke rumahnya atau rumah orang tuanya dan tidur bersama lebih kurang dua malam. Seterusnya, pada malam ketiga, waris si perempuan yang terdiri daripada bapa atau ibu saudara si perempuan akan datang lalu membuat perhitungan. Waris si perempuan akan bertanya sama ada si lelaki mahu bernikah dengan anak buah mereka atau tidak dan seterusnya mereka akan berunding dengan Tok Batin. Dalam hal ini, Tok Batin akan memainkan peranan penting dalam memastikan pertikaian selesai dengan baik antara semua pihak sama ada pihak lelaki mahupun pihak perempuan. Lazimnya, si lelaki akan dikenakan denda oleh Tok Batin dan dibenarkan berkahwin dengan si perempuan. Walau bagaimanapun, mengikut adat yang mereka amalkan, si lelaki hanya boleh membawa si perempuan tidur bermalam di rumahnya atau rumah orang tuanya sahaja. Sekiranya si lelaki membawa si perempuan tidur bermalam di rumah orang lain seperti rumah kawannya dan lain-lain tempat, lazimnya Tok Batin akan mengenakan denda pada si lelaki dan dalam masa yang sama, si lelaki tidak dibenarkan berkahwin dengan si perempuan. Hal ini kerana pada pengamatan masyarakat ini, perkara tersebut (membawa si perempuan tidur di selain rumahnya atau rumah orang tuanya) menunjukkan si lelaki tidak berniat baik dan tidak berhasrat untuk mengahwini si perempuan (Tahir, 13 April 2019).

Tugas Tok Batin akan bertambah berat sekiranya masalah atau perbuatan tidak baik dilakukan oleh anak buah atau orang kampungnya terhadap orang kampung lain. Contohnya, orang kampungnya mencuri ayam dari orang kampung yang berhampiran (di luar kampung mereka). Dalam hal ini Tok Batin akan berunding dengan Tok Batin atau Penghulu dari kampung tersebut bersama-sama dengan si pencuri dan si mangsa. Lazimnya, denda berbentuk wang ringgit bersamaan atau melebihi sedikit daripada harga barang yang dicuri dikenakan kepada si pencuri. Pada kebiasaannya juga, denda kesalahan kali kedua adalah lebih berat iaitu dua kali ganda berbanding dengan kesalahan kali kedua dan seterusnya. Dalam erti kata yang lain, sekiranya kesalahan kali pertama si pencuri dikenakan denda sebanyak RM80.00, sekiranya beliau mengulanginya, beliau akan dikenakan denda sebanyak RM160.00, dan seterusnya RM320.00 (Pu, 13 April 2019). Walau bagaimanapun, duit yang akan diserahkan kepada si mangsa tetaplah bersamaan atau melebihi sedikit daripada harga barang yang dicuri. Manakala, duit ganda bagi denda kali kedua dan seterusnya tersebut akan diserahkan kepada Tok Batin. Pada kebiasaannya duit tersebut akan digunakan untuk kebajikan kampung (Tahir, 13 April 2019).

Selain daripada menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku dalam kalangan anak buahnya, Tok Batin merupakan orang terhormat yang lazimnya dijemput untuk menjadi ketua rombongan meminang atau juru perunding dalam majlis pertunangan terutamanya kepada pinangan terhadap orang di luar kampung mereka. Tok Batin juga lazimnya akan meluangkan masa menghadiri setiap majlis di kampung termasuklah majlis perkahwinan dan kematian (Pu, 13 April 2019).

Kesimpulan

Dapatlah disimpulkan bahawa sistem kepimpinan orang asli Semelai bersifat unik dan memiliki ciri-ciri tradisonal dan moden. Antara ciri tradisonal dalam sistem kepimpinan orang asli Semelai ialah mereka mengekalkan nama Tok Batin sebagai pemimpin mereka. Fungsi sosial Tok Batin juga besar termasuklah menyelesaikan masalah anak-anak buahnya sehingga tahap mengenakan tindakan denda dan sebagainya. Hal ini menuntut Tok Batin mempunyai ilmu yang tinggi tentang adat dan pantang-larang orang asli Semelai. Manakala, ciri moden

dalam sistem kepimpinan orang asli Semelai pula adalah cara pemilihan Tok Batin adalah melalui sistem undian yang dikelolakan oleh JAKOA, jawatan Tok Batin juga mempunyai tempoh tertentu dan Tok Batin diberi elaun oleh kerajaan melalui JAKOA. Dalam hal ini, Tok Batin turut bekerjasama dan berurusan dengan JAKOA dalam mentadbir kampung dan anak-anak buahnya bagi meningkatkan kemajuan kampungnya.

Penghargaan

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Universiti Sains Islam Malaysia menerusi geran USIM PPPI/FKP/0118/051000/17118 yang telah membiayai penyelidikan ini.

Rujukan

- Abdul Jamak, A. B. S., Mohd Dali, N. R. S. & Ahmad, S. Z. (2003). Entrepreneurial Development of Orang Asli Jakun and Semelai (Malaysian Aboriginal Tribes) in Rompin, Pahang: Are They Advancing in Entrepreneurship? [https://www.semanticscholar.org/paper/ENTREPRENEURIAL-DEVELOPMENT-OF-ORANG-ASLI-JAKUN-AND-Jamak](https://www.semanticscholar.org/paper/ENTREPRENEURIAL-DEVELOPMENT-OF-ORANG-ASLI-JAKUN-AND-Jamak/Dali/7bf9fb6116a55ac231c01cce1d723df2ea17c593)
Dali/7bf9fb6116a55ac231c01cce1d723df2ea17c593
- Abdul Jamak, A. B. S., Mahari, R., Salleh, R. & Abdullah, A. (2010). The Micro Business Enterprise of Orang Asli Aborigines in Pahang, Malaysia. In Oxford Business & Economic Conference Program, St. Hugh's College, Oxford University.
- Ahmad, Nordin. (1998). Dakwah dan Orang Asli di Semenanjung Malaysia; Kajian Khusus Terhadap Rumpun Temuan Di Selangor (Disertasi Sarjana). Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ayudin, A. R., Ahmad, A. R. & Mohd Yasin, R. (2009). Pembangunan Komuniti Mapan Orang Asli Melalui Rancangan Pengumpulan Semula (RPS). Dlm. Ahmad, A. R. & Mohd Jelas, Z., Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya. Bangi: UKM.
- Azmi, Aida Rohayu. (2015). Perbandingan Aspek Dan Leksikal Bahasa Orang Asli Semelai Dengan Bahasa Melayu Untuk Pelestariannya (Tesis Sarjana). Universiti Putra Malaysia.
- Baharom, Noresah. (2017). Kamus Dewan. Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Ban Seng, H. (2001). Semelai Communities at Tasek Bera: A Study of the Structure of an Orang Asli Society. Subang Jaya: Centre for Orang Asli Concerns.
- Benjamin, G. & Chou, C. (eds.). (2003). Tribal Communities in the Malay World: Historical, Cultural and Social Perspectives. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Benjamin, G. (1976). Austroasiatic Subgroupings and Prehistory in the Malay Peninsula. *Oceanic Linguistics Special Publications*, 13, 37–128.
- Choy, E. A., Che Mat Ariffin, Z. & Pereira, J.J. (2010). Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli: Kajian Kes di Hutan Simpan Bukit Lagong, Selangor, Malaysia. *Jurnal Melayu*, 5, 295–314.
- Edo, Juli. (1993). Kepercayaan dan Pantang Larang di kalangan Orang Semai. Dlm. Mohamed Salleh Lamry & Hasan Mat Nor. *Masyarakat dan Perubahan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Giano, R. (1997). Malay, Semelai, Temoq: Semelai Concepts of Ethnicity in South-Central Malaya. In Robert L. Winzeler, *Indigenous Peoples and the State: Politics, Land and Ethnicity in the Malayan Peninsula and Borneo*. Yale Southeast Asia Studies.

- Giano, R. (2016). Landscape of Ghosts: Semelai Shamanism and A Cosmological Map. In Kirk Endicott, Malaysia's Original People: Past, Present and Future of Orang Asli. Singapore: NUS Press.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2019). Suku Kaum/ Bangsa. Diakses pada 15 Februari 2023, di <https://www.jakoa.gov.my/orang-asli/info-orang-asli/suku-kaumbangsa/>
- Jaafar, N. F. & Khairuddin, A. H. (2019). Ilmu Bintang Orang Asli Semelai. Diakses pada 15 Februari 2023, di https://www.researchgate.net/publication/330778487_ILMU_BINTANG_ORANG_ASLI_SEMELAI
- Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. (2021). Bilangan Penduduk Orang Asli Mengikut Agama dan Negeri Bagi Tahun 2020. Diakses pada 15 Februari 2023, di https://www.data.gov.my/data/en_US/dataset/bilangan-penduduk-orang-asli-mengikut-agama-dan-negeri
- Kruspe, N. (2004). Adjectives in Semelai. In R.M.W. Dixon & Alexandra Y. Aikhenvald, Adjective Classes: A Cross-linguistic Typology. New York: Oxford University Press.
- Mokhtar, H. & Aini, Z. (2014). Dakwah Islamiah Kepada Orang Asli Di Pulau Carey Banting Selangor: Isu, Cabaran Dan Permasalahan. Dlm. Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective. Bangi: UKM.
- Mat Nor, Hasan. (2009). Cabaran Pendidikan Masyarakat Orang Asli di Malaysia. Dlm. Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas, Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya. Bangi: UKM.
- Mohd Salleh, Hood. (1974). An Ethnographical Investigation of the Semelai of Malaysia (M.A. Thesis). St. Catherine's College, Oxford.
- Mohd Salleh, Hood. (1975). The Semelai Sura and Oral History: Myth and Ideology in an Orang Asli Worldview. *Akademika: Jurnal Ilmu Kemanusiaan dan Sains Kemasyarakatan*, 7, 1–16.
- Mohd Mokhtar, R. A., Mohad, A. H., Ibrahim Residi, M. A., Muda, K. & Mohd Tohar, S. N. A. (2021). Religious Syncretism among the Semelai Orang Asli Muslims in Sungai Lui Village, Malaysia. *Fieldwork in Religion*, 16 (2), 172–192.
- Mohd Jelas, Z., Ahmad, A. R. & Ayudin, A. R. (2009). Perspektif Historiografi Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Dlm. Ahmad, A. R. & Mohd Jelas, Z. Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya. Bangi: UKM.
- Mohamad, Sapura. (2010). The Ethnobotany of the Semelai Community at Tasek Bera, Pahang, Malaysia: An Ethnographic Approach for Re-settlement (Ph.D Thesis). University of Adelaide, School of Architecture, Landscape Architecture and Urban Design.
- Omar, Asmah. (1998). Language Planning and Image Building: The Case of Malay in Malaysia. *International Journal of the Sociology of Language*, 130, 49–65.
- Sian, H. H. (1994). Sinkretisme dalam Kalangan Masyarakat Temuan di Kampung Lubuk Bandung, Melaka (Latihan Ilmiah). Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Syed Hussin, Syed Abdurahman. (2009). Dakwah kepada Orang Asli di Malaysia: Permasalahan dan Halangan, *Jurnal Usuluddin*, 30, 155-184.

Temubual

- Junus, Harun. 55 tahun. Penduduk kampung. Kg. Sungai Lui, Jempol. Temubual pada 23 Februari 2019.
- Manap, Abdul Razak. 54 tahun. Mantan Pengerusi, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Kg. Sungai Lui, Jempol. Temubual pada 14 Ogos 2019.
- Patek, Asai. 60 tahun. Pakar Adat. Kg. Sungai Lui, Jempol. Temubual pada 13 April 2019.

Pu, Shamsuddin. 55 tahun. Mantan Batin Orang Asli. Kg. Sungai Lui, Jempol. Temubual pada 24 Februari & 13 April 2019.

Tahir, Junus. 76 tahun. Ketua masyarakat Islam di Kg. Sungai Lui, Jempol. Temubual pada 23 dan 24 Februari, 13 April 2019.

Tahir, Tanda. 69 tahun. Orang asli yang pertama memeluk Islam di Kg. Sungai Lui, Jempol. Temubual pada 14 Ogos 2019.